

From: Jabatan Pendaftar
Sent: Thursday, July 12, 2018 10:29 AM
To: UUM - All Staff
Subject: ARAHAN PENTADBIRAN MENGENAI PEMAKAIAN SLOGAN BARU KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
Attachments: SURAT SUK SLOGAN BARU NEGERI KEDAH D.A..pdf
Importance: High



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

12 JULAI 2018
27 SYAWAL 1439H

ARAHAN PENTADBIRAN MENGENAI PEMAKAIAN SLOGAN BARU KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Untuk makluman Y.Bhg. Dato'/Y. Berusaha Prof./tuan/puan, Kerajaan Negeri Kedah melalui suratnya PSU(K)741-1399 JLD. 3 (34) bertarikh 28 Jun 2018 telah mengeluarkan arahan tentang penggunaan slogan baru Kerajaan Negeri bagi menggantikan slogan "MUAFAKAT KEDAH" seperti berikut:

'KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH'

Manakala logo 'Kedah Aman Makmur – Harapan Bersama Makmurkan Kedah' yang telah dilancarkan oleh YAB Menteri Besar Kedah adalah seperti berikut:



Pemakaian slogan 'KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH' tidak lagi ditempatkan di bahagian atas surat, tetapi diletakkan **sebelum bahagian tandatangan** dengan contoh seperti berikut:

SURAT DALAMAN

Rujukan Kami : UUM/PEN/C-5/9
Tarikh : 14 Mac 2016

Pengerusi Program
Bahagian Pengurusan Bakat
Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC)
Universiti Utara Malaysia
(u/p: Pn. Normizan Bt. Yusoff)

Puan

MAKLUMAN PENANGGUHAN TARIKH LATIHAN INDUSTRI PELAJAR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya arah merujuk kepada perkara di atas dan surat puan kepada Pendaftar UUM/CUIC/P-73 dengan rujukan yang sama bertarikh 16 Februari 2016 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman Puan, Jabatan ini tiada halangan tentang penangguhan tersebut dan bersetuju dengan tarikh baharu yang dicadangkan.

Sekian, terima kasih.

"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"
"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah

(AFENDY BIN MUHAMMAD)

Penolong Pendaftar
b.p Pendaftar
Universiti Utara Malaysia
Tel : 04-9283131 Fax : 04-9283105

Email : abm@uum.edu.my

s.k - Pendaftar
- Timbalan Pendaftar

SURAT KEPADA PIHAK LUAR

Ruj. Kami : UUM/PEN/K-25
Tarikh : 15 Mac 2018

Encik Yusoff bin Romli
Pengarah Keselamatan
Bahagian Keselamatan
Pejabat Pendaftaran
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM),
Parit Raja 86400 Batu Pahat,
Johor Darul Ta'zim

Tuan

**PERMOHONAN MENGADAKAN KAJI SELIDIK KEPUASAN PELANGGAN
PERKHIDMATAN KESELAMATAN UNIVERSITI AWAM**

Dengan segala hormatnya saya diarah menjuk perkara di atas dan surat tuan kepada Pendaftaran Universiti Utara Malaysia (UUM), UTHM/PP/BK/100-17/1/1 (30) bertarikh 25 Februari 2018 adalah bertalian.

2. Untuk makluman tuan Jabatan ini tiada halangan untuk pihak tuan menjalankan kajian berkenaan demi untuk kebaikan perkhidmatan keselamatan di Universiti Awam dan UUM.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"
"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah

(AFENDY BIN MUHAMMAD)
Penolong Pendaftaran Kanan
b.p Naib Canselor

Tel : 04-928 3131 Faks : 04-928 3105 Emel : abm@uum.edu.my

s.k - Naib Canselor
- Pendaftaran
- Pengarah Keselamatan UUM

Buat masa ini, setiap PTJ masih perlu menggunakan kepala surat rasmi Universiti yang sedia ada. Cetakan logo baru di atas kepala surat rasmi Universiti akan dilaksanakan apabila stok sedia ada dihabiskan.

Bersama-sama ini dilampirkan surat Kerajaan Negeri Kedah untuk makluman dan rujukan Y.Bhg. Dato' /Y. Berusaha Prof./tuan/puan.

Sekian, terima kasih.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.